



TEKS UCAPAN

**YB SENATOR DATO' SETIA
DR MOHD NA'IM BIN HAJI MOKHTAR
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI
(HAL EHWAL AGAMA)**

SEMPENA

**MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG
AGENSI-AGENSI DI BAWAH MENTERI DI JABATAN PERDANA
MENTERI (HAL EHWAL AGAMA) TAHUN 2024**

TARIKH:

**24 APRIL 2025 / 25 SYAWAL 1446H
(KHAMIS)**

MASA:

9.00 PAGI – 1.00 TENGAH HARI

TEMPAT:

HOTEL EVERLY, PUTRAJAYA

1. Saya ingin memulakan ucapan pada pagi ini dengan mengajak hadirin semua untuk merenung firman Allah SWT dalam Surah Al-Qasas, ayat 26:

قَالَتْ إِحْدَاهُمَا يَأْبَتِ اسْتَجْرُهُ إِنَّ خَيْرَ مَنْ اسْتَجَرْتَ الْقَوَى الْأَمِينُ.

Maksud Ayat:

Salah seorang perempuan yang berdua itu berkata: “Wahai ayah, ambillah dia menjadi orang upahan, sesungguhnya sebaik-baik orang yang ayah ambil bekerja ialah orang yang kuat lagi amanah.”

2. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT, dengan limpah rahmat dan keizinan-Nya jua, dapat kita bersama-sama berhimpun bagi meraikan para penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri (HEA) Tahun 2024.

3. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana menjemput saya bagi menyampaikan ucapan dan seterusnya menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Agensi pada pagi yang mulia ini.

[AGENSI ISLAM PENERAJU PEMBANGUNAN UMMAH BERTERASKAN AL QURAN DAN HADIS]

YBhg. Datuk, Dato', tuan-tuan dan puan-puan yang dihormati,

4. Sejalan dengan Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan yang jelas mengiktiraf Islam adalah agama bagi Persekutuan dan Raja atau Sultan sebagai Ketua Agama Islam di negeri-negeri, Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) adalah institusi penting untuk menggerakkan dan meneraju agenda Islam dan pembangunan insaniah dalam negara. Oleh itu, keberadaan dan peranan agensi-agensi Hal Ehwal Islam sebagai sebahagian jentera pentadbiran negara amat signifikan.

5. Perkara ini jelas menunjukkan amanah yang amat berat digalas oleh kita semua yang berkhidmat di agensi Hal Ehwal Islam. Kita seharusnya terus bekerja dengan bersungguh-sungguh serta menerapkan budaya kerja cemerlang dan efisien serta bergerak secara sinergi ke arah misi utama Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) untuk menjadi peneraju pengurusan Hal Ehwal Islam dan kesejahteraan Malaysia Madani dalam menjalankan tugas seharian.

6. Pada masa yang sama, kita perlu sedar bahawa masyarakat kian celik IT di mana pelbagai maklumat berada di hujung jari. Oleh itu, penambahbaikan khususnya dalam aspek sistem penyampaian tugas adalah suatu kepastian yang tidak boleh dinafikan. Agensi Islam perlu terus **memperkukuh penggunaan aplikasi teknologi** dalam tadbir urus Islam secara menyeluruh untuk memastikan kita terus menjadi medium utama sebagai rujukan masyarakat dalam membekalkan maklumat yang selaras berpandukan Al-Quran dan Hadis.

7. Kita memainkan peranan dalam menjelaskan naratif-naratif yang tidak sejajar dengan Al Quran dan Hadis agar sentimen-sentimen negatif yang berbaur Islamophobia dapat dikawal. Ini adalah sejajar dengan agenda Islam Mekar di Bumi Malaysia dalam memacu Pelan Transformasi Al-Falah terus terlaksana. Perubahan-perubahan ini amat mustahak untuk dilaksanakan bagi memastikan **peningkatan kefahaman dan penghayatan Islam dalam masyarakat**. Jika tidak, agensi kita akan dilihat tidak relevan serta tidak mampu memenuhi keperluan semasa.

8. Oleh yang demikian, saya selalu memberikan peringatan kepada Ketua-ketua agensi untuk sentiasa melihat apa jua ruang penambahbaikan sama ada dari segi sistem, peraturan, proses kerja, serta penghasilannya agar ia benar-benar dapat membantu **melestarikan kesejahteraan sosial umah.**

9. Adalah menjadi harapan semua pihak agar anggota Perkhidmatan Awam dapat bekerja dengan penuh semangat dan memberikan yang terbaik dalam tugas mereka. Justeru, ia akan membantu **memperkasakan perpaduan umat dan keharmonian tamadun.**

10. Dalam penyempurnaan tugas, warga kerja perlu sentiasa mengamalkan konsep neutraliti dan profesional serta menghormati prinsip pembahagian kuasa. Ini penting agar kedaulatan undang-undang dapat dipertahankan dan Perlembagaan Persekutuan sentiasa dijunjung.

11. Pencapaian kita hari ini, adalah hasil daripada penggubalan dasar-dasar yang pragmatik dan mesra rakyat oleh kepimpinan Kerajaan, dengan sokongan serta kerjasama semua pihak dari kalangan anggota Kabinet dan juga anggota perkhidmatan awam. Sinergi antara anggota perkhidmatan awam dan Kerajaan perlu terus diperkukuhkan seiring dengan

penekanan prinsip ‘Saya Yang Menjalankan Amanah’ di bawah payung setia Yang di-Pertuan Agong.

[ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC)]

Hadirin sekalian,

12. Saya ingin merakamkan ucapan syabas dan tahniah kepada 377 penerima yang telah dianugerahkan dengan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) pada pagi ini yang terdiri daripada agensi **JAKIM seramai 177 orang penerima, agensi JAWI seramai 126 orang penerima, JAWHAR seramai 5 orang penerima, JKSM seramai 41 orang penerima, MSWP seramai 15 orang penerima, Pejabat Mufti seramai 8 orang penerima, Jabatan Pendakwaan Syariah Wilayah Persekutuan seramai 3 orang penerima, Pejabat Menteri seorang penerima dan Pejabat Timbalan Menteri seorang penerima.** Anugerah ini merupakan penghargaan Kerajaan kepada anggota Perkhidmatan Awam yang telah memberi perkhidmatan yang cemerlang, bekerja dengan sepenuh hati, bersungguh-sungguh dalam melaksanakan tugas demi kepentingan agama dan negara.

13. Budaya Kerja Cemerlang dengan menjunjung prinsip *striving for excellence* seperti yang digagaskan oleh YAB Perdana Menteri semasa Amanat Tahun Baru 2025 perlu menjadi jati kerja kita. Ini bermakna kita perlu berusaha mencari jalan dan kaedah supaya mencatat kecemerlangan, bagi memastikan mutu perkhidmatan yang terbaik.

14. Dalam Islam, mengamalkan budaya kerja cemerlang adalah merupakan satu tuntutan dan dikira sebagai amalan ibadah. Firman Allah SWT dalam Surah At-Taubah ayat 105:

وَقُلْ أَعْمَلُوا فَسَيَرَى اللَّهُ عَمَلَكُمْ وَرَسُولُهُ وَالْمُؤْمِنُونَ وَسَتُرَدُّونَ إِلَىٰ عِلْمِ الْغَيْبِ وَالشَّهَادَةِ
فَيُنَبِّئُكُم بِمَا كُنتُمْ تَعْمَلُونَ

Maksud Ayat:

Dan katakanlah (wahai Muhammad): “Beramallah kamu (dengan segala yang diperintahkan), kelak Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan, dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang Mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian Dia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan.”

15. Begitu juga Baginda Nabi SAW pernah bersabda:

إِنَّ اللَّهَ عَزَّ وَجَلَّ يُحِبُّ إِذَا عَمِلَ أَحَدُكُمْ عَمَلًا أَنْ يُتَّقِنَهُ.

Maksudnya:

“Sesungguhnya Allah Azza wa Jalla mengasihi apabila seseorang daripada kamu melakukan sesuatu amalan dengan tekun.”

(Riwayat al-Thabarani di dalam *al-Mu’jam al-Awsath*)

16. Saya amat berharap Tuan-Tuan dan Puan-Puan akan menjadi *role-model* kepada rakan-rakan lain di jabatan masing-masing. Saya tidak mahu majlis ini hanya bersifat acara tahunan semata-mata. Apa yang lebih penting ialah budaya kerja cemerlang menjadi sehati dengan agensi Hal Ehwal Islam.

17. Bila orang sebut tentang agensi Islam, mereka dapat gambarkan 5 nilai utama kita iaitu **berilmu, berintegriti, itqan, ikhlas dan istiqamah** melalui cara agensi Islam bekerja, penuh efisien dan teratur. Ini yang amat kita harapkan. Pada masa sama, Tuan-Tuan dan Puan-Puan diharapkan menjadi penggerak kepada usaha-usaha inovasi di peringkat jabatan masing-masing.

[INTEGRITI DAN TADBIR URUS / PELAN TRANSFORMASI AL-FALAH]

YBhg. Datuk, Dato', tuan-tuan puan-puan yang dihormati,

18. Aspek integriti adalah keutamaan dalam memastikan sesuatu dasar Kerajaan itu berjaya dengan efisien dan efektif. Semua agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (HEA) perlu memandang serius untuk mencari jalan penyelesaian dan penambahbaikan kepada masalah serta kelemahan yang berkaitan dengan tadbir urus, integriti, penyalahgunaan kuasa dan rasuah.

19. Agensi-agensi di Jabatan Perdana Menteri (HEA) perlu mempunyai disiplin dan keutuhan dalam melaksanakan tugas dengan penuh berintegriti dan sentiasa mengutamakan kepentingan awam dan negara. Kecemerlangan yang kita mahukan bukan sekadar diukur dengan tercapainya sasaran kerja tetapi juga perkhidmatan yang bersih dan berintegriti.

20. Harapan saya agar setiap warga agensi di Jabatan Perdana Menteri (HEA) dapat menjaga disiplin diri serta imej dan nama baik agensi masing-masing dari sebarang isu dan tanggapan negatif rakyat khususnya dalam era media sosial yang semakin moden dan mencabar ini.

21. Semoga dengan penghargaan ini Tuan-tuan dan Puan-puan terus bekerja dan membantu mendokong setiap agenda-agenda yang telah di susun di bawah Menteri Hal Ehwal Agama agar Islam terus mekar di Bumi Malaysia menuju Malaysia Madani. Semua agensi di bawah Menteri di Jabatan Perdana Menteri perlu terus berganding bahu dan memberikan komitmen yang jitu dan mampan dalam melaksanakan setiap pelan yang telah dirancang.

22. Dikesempatan ini saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua dengan iringan doa;

“Taqaballahu minna wa minkum, Kullu ‘Aam wa Antum Bi Khayr”

23. Saya juga mengajak kita semua sentiasa berdoa dan berusaha untuk menjaga perpaduan dan keamanan negara kita. Tidak lupa juga terus berdoa untuk Palestin yang sedang dilanda musibah di bantai dan dibedil tanpa henti. Jihad kita melalui doa adalah senjata yang tidak sekali kita boleh tinggalkan.

PENUTUP

YBhg. Datuk, Dato', tuan-tuan puan-puan yang dihormati,

24. Sekali lagi ucapan syabas dan setinggi-tinggi tahniah kepada semua penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Agensi di bawah Jabatan Perdana Menteri (HEA) Tahun 2024. Tidak lupa juga ucapan penghargaan dan terima kasih kepada pihak urus setia Majlis yang telah bertungkus lumus memastikan penganjuran majlis ini berjalan dengan lancar.

Sekian, *Wabillahi Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.*